

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN • CENTRE FOR EDUCATIONAL EXTENSION

Rujukan : UKM.KPD.100-1/3/1

Tarikh : 16 Mac 2020

Semua Pelajar
Program Eksekutif/PBJJ/Mod Cuti Sekolah/IEP
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Saudara/Saudari,

COVID-19: PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA ATAS TALIAN

Dengan hormatnya perkara di atas dan Pekeliling Pendaftar Bil. 8/2020 bertarikh 13 Mac 2020 adalah dirujuk.

Pihak universiti mengambil serius akan status wabak COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menunjukkan peningkatan penularan di seluruh negara. Sehubungan itu, sebagai langkah pencegahan dalam memastikan kesihatan dan keselamatan warga UKM berada pada tahap yang baik, maka UKM mengambil langkah berikut :

- i. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti/Institut/Pusat hendaklah hendaklah dijalankan secara atas talian sepenuhnya bermula 16 Mac 2020 hingga dimaklumkan kemudian;
- ii. Semua latihan amali dan aktiviti di luar kelas ditangguhkan;
- iii. Pelajar dibenarkan mengikuti aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran secara atas talian di rumah atau kolej kediaman masing-masing;
- iv. Semua pelajar pasca siswazah masih boleh menjalankan kerja-kerja penyelidikan di makmal (jika berkenaan).

Sehubungan dengan langkah-langkah yang tersebut oleh pihak Universiti, maka PKP juga mengambil pendekatan yang sama dalam semua aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran kendalian PKP. Dengan ini, adalah diharapkan semua pihak yang terlibat dapat mematuhi langkah-langkah pencegahan dan dilaksanakan sepenuhnya.



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my



Segala perhatian dan kerjasama Saudara/Saudari amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sama-sama kita berdoa agar penularan wabak ini segera pulih seperti sediakala.

Yang benar,

ang benar,

RHF

PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k - Semua Penyelaras Program
- Timbalan Pengarah, PKP
- Ketua Jaminan Kualiti, PKP
- Penolong Pengarah, Pelajar & Alumni PKP
- Semua Ketua Bahagian, PKP



pusat kembangan pendidikan

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pgkhkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

